



“Sesiapa yang melakukan dalam urusan kami sesuatu yang bukan (berasal) daripadanya, maka ia ditolak”

Daripada ‘Aisyah، رضي الله عنها beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda: “Sesiapa yang melakukan dalam urusan kami sesuatu yang bukan (berasal) daripadanya, maka ia ditolak.” (Muttafaqun ‘alaih) Dan dalam riwayat Muslim: “Sesiapa yang melakukan suatu amalan yang tiada perintah daripada kami, maka ia ditolak.”

Nabi ﷺ menerangkan bahawa sesiapa yang mencipta dalam agama atau melakukan suatu amalan yang tiada dalil daripada al-Quran dan Sunnah, maka amalan itu ditolak dan tidak diterima di sisi Allah.

<https://sunnah.global/hadeeth/ms/show/4792>

